

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[SEPUTEH]**

**SOALAN :**

**YB Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang telah disalurkan ke negeri Kelantan setakat 1 Mac 2015 selepas berlakunya banjir besar di negeri tersebut. Nyatakan bilangan rumah dan kemudahan lain yang telah siap dibina di negeri Kelantan setakat 1 Mac 2015.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 3 Mac 2015, Kerajaan Persekutuan telah menyelesaikan pembayaran wang ihsan sebanyak RM4.751 juta melibatkan seramai 9,502 ketua isi rumah mangsa banjir di Kelantan.

Sehingga 3 Mac 2015, sebanyak 284 buah rumah kekal baru sedang dalam peringkat pembinaan dan pra pembinaan. Kos untuk pembinaan setiap buah rumah berkenaan adalah RM48,000.

Untuk pembaikan rumah, sebanyak 64 buah rumah sedang atau telah siap dibaiki di negeri Kelantan sehingga 3 Mac 2015. Siling peruntukan bagi kos pembaikan rumah adalah sebanyak RM10,000 untuk setiap buah rumah.

Sekian. Terima kasih.